

KERAJAAN NEGERI KELANTAN



PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 9 TAHUN 2015

PINDAAN KADAR SUMBANGAN PEMBANGUNAN BAGI URUSAN PINDAHMILIK KEPADA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU DAN ATAU KEPADA ORANG-ORANG BUKAN ANAK KELANTAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai pindaan kadar sumbangan pembangunan bagi balasan kepada urusan pindahmilik tanah atau pindahmilik pajakan atau perletakhakan atau seumpamanya kepada Orang-orang Bukan Melayu dan atau Orang-orang Bukan Anak Kelantan.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang kali ke 11 pada 27 Mei 2015 telah bersetuju meluluskan pindaan kadar sumbangan pembangunan bagi urusan pindahmilik tanah atau pindahmilik pajakan atau perletakhakan atau seumpamanya.

3. Sehubungan dengan itu, kadar sumbangan pembangunan yang telah dipersetujui ditetapkan sebagaimana berikut:

Nilaian Tanah Semasa

Kadar Sumbangan Pembangunan

RM 100,000.00 pertama atau kurang.

1% daripada nilai tanah.


Mana-mana jumlah daripada baki RM 100,000.00 tetapi tidak melebihi RM 500,000.00

2% daripada baki tersebut.

Mana-mana jumlah daripada baki seterusnya yang melebihi RM 500,000.00

3% daripada baki tersebut.

4. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan bilangan 5/2015. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



(DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD) *D.P.S.K. KELANTAN*

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN.**

FAIL PINDAAN : PTG.KN.S.3/65 SJ.1 JLD.8(29)
FAIL KERTAS : PTG.KN.4/2/109 (6)
BERTARIKH : 11 RAMADHAN 1436H
28 JUN 2015